



Abdul Shukor Husin

Umat Islam perlu ada 3 ciri hadapi globalisasi

KOTA BHARU: Umat Islam di negara ini perlu memantapkan diri dengan memiliki tiga ciri penting bagi menghadapi cabaran globalisasi masa kini yang boleh menjauhkan mereka daripada agama.

Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan, Tan Sri Dr Abdul Shukor Husin, berkata tiga perkara itu ialah memiliki ilmu mantap khususnya berkaitan agama, selain keimanan kuat berserta kefahaman tinggi kepada agama.

Selain itu, katanya, perlu wujud perpaduan serta sikap saling membantu bagi mencapai matlamat membangunkan bangsa, agama dan negara.

“Dalam ledakan globalisasi yang melanda umat Islam, sama ada berkaitan ekonomi atau kehidupan harian, ia pasti menyukarkan mereka untuk mengendalikannya (ekonomi atau kehidupan harian).

“Namun, dengan tiga ciri ini, ia memudahkan umat Islam menyelesaikannya (ledakan globalisasi) sekali gus memberi keyakinan untuk menghadapinya,” katanya.

Beliau berucap pada majlis makan malam Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat, bersama ahli muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi hal ehwal agama Islam Malaysia, di sini, malam kelmarin. Hadir sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Dr Abdul Shukor berkata, masyarakat Islam di negara ini sentiasa memerlukan tunjuk ajar selain garis panduan bagi membimbing mereka ke jalan betul, sama ada berkaitan ekonomi, kehidupan keluarga dan individu.

“Amat penting terutama cendekiawan serta ulama Islam mendepani isu berkenaan dengan penuh yakin sekali gus berupaya membina masyarakat Islam lebih sejahtera.

“Sepanjang jawatankuasa ini beroperasi, kami sentiasa bersikap terbuka dan menerima pandangan yang boleh meningkatkan perkhidmatan khususnya berkaitan keperluan umat Islam,” katanya.